

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pendapatan bagi Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) dan sama ada peruntukan tersebut mencukupi untuk membayar pampasan kepada pekerja yang hilang kerja akibat pandemik COVID-19. Berapakah jumlah pekerja yang menerima manfaat SIP dari bulan Mac-Oktober 2020, termasuk permohonan berstatus gagal dan mengapa pihak majikan tidak berminat untuk menyertai SIP.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, sehingga 30 Oktober 2020, jumlah dana Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) masih mencukupi untuk menampung tuntutan kes kehilangan pekerjaan iaitu rezab terkumpul adalah sebanyak **RM1.3 billion**. Sehingga tarikh yang sama juga, sebanyak **RM290.1 juta** telah diluluskan untuk dibayar kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan melibatkan sebanyak **187,258** tuntutan daripada penerima faedah iaitu Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) sebanyak **169,212** tuntutan, Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA) sebanyak **17,388** dan Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB) sebanyak **658** tuntutan.

2. Setakat 30 Oktober 2020, PERKESO telah menolak sebanyak **16,676** permohonan faedah SIP. Punca tertinggi yang menyebabkan permohonan ditolak adalah kerana tidak mencukupi syarat kelayakan caruman dan tamat tempoh kontrak.

3. Bagi meningkatkan lagi kesedaran dalam kalangan majikan, PERKESO akan meneruskan aktiviti promosi berkenaan kebaikan dan faedah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP). Dengan itu, majikan tidak akan dapat menggunakan alasan tidak mempunyai pengetahuan mengenai kewajipan mencarum di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800].

Sekian, terima kasih.